

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
(PENDANG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 21.03.2018**

**Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang luar mengikut kategori, hutang Kerajaan, hutang korporat, hutang orang perseorangan, pegangan bon dan saham oleh orang luar .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Hutang luar Malaysia merujuk kepada hutang luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, perusahaan awam bukan kewangan (PABK), sektor swasta serta deposit dan pegangan kertas hutang di dalam negara dan kredit perdagangan oleh bukan pemastautin (*foreign holding*). Pada akhir Disember 2017, hutang luar Malaysia berjumlah

RM883.4 bilion, bersamaan dengan USD215.5 bilion atau 65.3% daripada KDNK, berkurangan berbanding 74.5% pada 2016. Daripada jumlah ini, hutang luar pesisir merangkumi 57.4% (RM507 bilion), pegangan dan deposit oleh bukan pemastautin 33.8% (RM298.5 bilion), dan kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan lain-lain 8.8% (RM77.9 bilion).

2. Hutang luar pesisir sebagai peratusan kepada KDNK mencatat 37.5% dan hanya RM16.6 bilion atau 1.9% daripada hutang luar pesisir sahaja adalah hutang luar pesisir Kerajaan manakala yang selebihnya dimiliki oleh institusi perbankan dan syarikat bukan bank, termasuk syarikat awam.

3. Jumlah pegangan dan deposit oleh bukan pemastautin dalam ringgit adalah berjumlah RM298.5 bilion atau dari segi peratusan kepada KDNK mencatat 22.1%. Daripada jumlah pegangan luar ini, pegangan dalam kertas hutang Kerajaan meliputi 62.4% atau RM186.2 bilion manakala selebihnya adalah pegangan dan deposit pelabur asing dalam kertas hutang sektor swasta. Pegangan luar dalam sekuriti hutang Kerajaan dipelopori oleh institusi yang kukuh dan berjangka panjang seperti pengurus dana dan aset (40.8%), bank pusat dan supranasional (32.1%), dana persaraan (16.9%), institusi

31  
perbankan (6%), syarikat insurans (2.2%) dan lain-lain (2%).

4. Tahap hutang luar negeri ini mencerminkan peningkatan penyertaan institusi perbankan dan kewangan serta syarikat Malaysia di peringkat antarabangsa. Pinjaman adalah terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negara dan aktiviti perdagangan antarabangsa serta untuk pengurusan sumber kewangan dalaman kumpulan korporat. Institusi perbankan dan syarikat bukan bank mampu untuk melunaskan tuntutan hutang luar negeri mereka dengan pendapatan dari aset luaran dan mata wang asing mereka.

5. Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berdasarkan faktor berikut:

- Lebih separuh daripada hutang luar negeri adalah dengan tempoh matang jangka sederhana hingga ke jangka panjang.
- Kira-kira 34.3% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam ringgit, terutamanya dalam bentuk pegangan sekuriti hutang domestik dan deposit oleh bukan pemastautin, yang tidak dipengaruhi oleh perubahan penilaian akibat turun naik kadar pertukaran ringgit.
- Hutang luar negeri institusi perbankan sebahagiannya ditampung oleh aset luaran yang sepadan.

- Peminjaman luar pesisir oleh syarikat bukan bank sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazim menerusi pendapatan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan.